

Keistimewaan Beli-Belah UOBM
TERMA DAN SYARAT
KAD KREDIT DAN/ATAU DEBIT UOB

Kelayakan Promosi

1. Keistimewaan Beli-Belah United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”)(“Promosi”) adalah dibuka kepada semua Ahli Kad Kredit dan/atau Debit UOBM utama dan tambahan (“Ahli Kad”) yang akaun(-akaunnya) adalah dalam keadaan semasa, sah, wujud dan dalam keadaan kredit yang baik yang ditentukan oleh UOBM.
2. Promosi ini hanya dibuka kepada Kad Kredit dan/atau Debit yang dikeluarkan di Singapura, Malaysia, Thailand dan Indonesia (“Kad Kredit dan/atau Debit UOB”).
3. Mereka yang berikut tidak layak untuk menyertai Promosi ini:-
 - a. Ahli Kad yang mempunyai akaun(-akaun) yang telah ditamatkan, digantung atau dibatalkan dalam tempoh masa Promosi.
 - b. Semua Ahli Kad , Korporat, Pembelian dan Label Peribadi UOBM;
 - c. Segala akaun yang dipegang dengan UOBM yang didapati delinkuen, atau tidak diuruskan dengan baik sepertimana yang ditentukan oleh UOBM pada budi bicara tunggal dan mutlak; dan
 - d. Individu yang didapati atau menjadi tidak siaman, meninggal dunia, bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dimulakan terhadap mereka.

Tempoh Promosi

4. Tempoh Promosi adalah dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2022 (termasuk kedua-dua tarikh)(“Tempoh Promosi”), kecuali kalau dimaklumkan sebarang perubahan.

Kaedah Promosi

5. Di bawah Promosi ini, Ahli Kad adalah layak untuk mendapat keistimewaan beli-belah (“Keistimewaan Beli-belah”) seperti yang dipaparkan dalam laman web 2022 Privileges iaitu www.uob.com.my, di kedai-kedai yang menyertai, seperti yang dipaparkan dalam laman web yang sama(“Kedai-kedai Yang Menyertai”).
6. Semua bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Kad Kredit dan/atau Debit UOB supaya layak untuk Keistimewaan Beli-Belah.
7. Tawaran-tawaran Istimewa adalah tertakluk kepada cukai jualan & perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang berkenaan, kecuali dimaklumkan sebaliknya.
8. Promosi ini tidak sah dengan tawaran, promosi, diskaun, baucar, kupon, kad istimewa, atau pembelian sijil hadiah yang lain, kecuali kalau dimaklumkan.
9. Promosi ini tertakluk kepada terma dan syarat lain Kedai-kedai Yang Menyertai.

10. Sebarang peralatan, aksesori atau barangan yang dipaparkan bersama Keistimewaan Beli-belah dalam bahan bercetak, laman web atau cawangan UOBM adalah untuk tujuan perhiasan sahaja dan bukan merupakan sebahagian hadiah tersebut.

Terma dan Syarat Am

11. Dengan menyertai Promosi ini, Ahli Kad bersetuju dan terikat dengan terma dan syarat ini dan sebarang terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad UOB Visa/MasterCard. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat akan diguna pakai.
12. Keputusan rakan dagang dan/atau UOBM dalam semua perkara berkenaan dengan Promosi dan Keistimewaan Beli-Belah ini adalah muktamad dan terikat. Semua rayuan dan/atau surat-menyurat dari Ahli Kad tidak akan dilayan.
13. UOBM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perwakilan atau salah tafsiran fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak sah berkenaan dengan Promosi dan/atau Keistimewaan Beli-Belah yang diterbitkan dalam mana-mana bahan media massa, pemasaran atau pengiklanan.
14. UOBM tidak akan bertanggungjawab atau boleh menerima sebarang liabiliti mana-mana sifat dan bagaimanapun yang timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi dan Keistimewaan Beli-Belah, melainkan jika timbul daripada kecuaiian kasar UOBM atau salah laku semata-mata.
15. UOBM tidak ada kaitan dengan rakan dagang dan/atau Kedai-kedai Yang Menyertai tidak akan membuat sebarangperwakilan atau jaminan berkenaan dengan kualiti barangan dan/atau perkhidmatan yang diberi oleh Kedai-kedai Yang Menyertai.
16. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan berkenaan dengan Promosi ini dan Keistimewaan Beli-Belah.
17. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
18. UOBM mempunyai hak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Promosi dari semasa ke semasa secara sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dengan menerbitkan notis dua puluh satu (21) hari terdahulu kepada Ahli Kad melalui laman web UOBMdan/atau melalui mesej pernyataan dalam Penyataan Akaun.

19. UOBM berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen oleh UOBM tidak melayakkan Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung Ahli Kad sama ada sebagai langsung atau akibat tidak langsung dari apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.

20. Terma dan syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selari dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa yang tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

Tamat